

☒ Harian Metro
☐ Metro Ahad

Tarikh: 25/5/2012

Hari: KABU M/S: 37

Ruangan: SETEMPAT

Fahami aspirasi PM

KUALA LUMPUR: Cetusan idea dan pemikiran 'orang nombor satu' negara wajar dikembangkan kepada generasi baru supaya lebih difahami dalam konteks membina negara bangsa.

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata, usaha sedemikian perlu bagi membentuk pemahaman mudah di kalangan generasi baru terhadap aspirasi keenam-enam Perdana Menteri Malaysia.

"Biar apapun dikatakan pihak pembangkang, rakyat perlu sedar bahawa semua Perdana Menteri sudah banyak berjasa kepada negara.

"Untuk itu, setiap pemikiran, idea dan dasar yang dibawa Perdana Menteri perlu dikupas untuk ingatan generasi muda serta kelompok masyarakat akan datang," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Pemikiran Perdana Menteri, semalam. Seminar dua hari

bertemakan Ke arah Pemupukan Kesepaduan dalam Kepelbagaian Masyarakat. 1Malaysia itu dianjurkan Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Universiti Utara Malaysia dan Universiti Malaya.

Ia bertujuan mengkaji dan menganalisis pemikiran tokoh negarawan berkaitan dasar dan pendekatan mereka terhadap perpaduan kaum selaras dengan konsep 1Malaysia.

Rais berkata, biarpun kuasa media baru mendorong generasi hari ini mendapatkan pelbagai maklumat melalui Internet, ia tidak menyekat mereka mencari ilmu di bahagian lain.

"Saya dan kementerian menyambut baik program sebegini (Seminar Pemikiran Perdana Menteri) yang secara tidak langsung menggalakkan kita berdiskusi, mendorong perbincangan serta memperkembangkan sesi ilmiah," katanya.